



## NOTIS MAKLUMAN

### **PENGOPERASIAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Selaras dengan arahan Kerajaan yang telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Negeri Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya pada 12 Oktober 2020 dan arahan kepada kakitangan sektor awam dan swasta bagi tiga (3) Negeri terlibat untuk bekerja dari rumah yang telah diputuskan menerusi Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 20 Oktober 2020.

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan beroperasi pada kadar minima dan melaksanakan sistem bekerja seperti yang telah disarankan oleh surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), No. Rujukan: JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.7 (2) bertarikh 21 Oktober 2020.

Sehubungan itu, Kaunter Pusat LPPSA akan ditutup untuk sementara waktu bermula **22 Oktober 2020 (Khamis)** ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Para pelanggan dinasihatkan agar menggunakan medium komunikasi rasmi LPPSA yang telah disediakan iaitu:

- a) Portal Aduan/ Pertanyaan Rasmi LPPSA eTiket di <https://etiket.lppsa.gov.my/>;
- b) Membuat semakan sendiri melalui LPPSA MY FINANCING (Mobile App) Panduan Pengguna boleh dirujuk di Laman Sesawang Rasmi LPPSA <http://www.lppsa.gov.my/en/media/aplikasi-mudah-alih/>; atau
- c) Semakan melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA di <https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/>.

Kami menjangkakan akan terdapat sedikit kelewatan dalam urusan berkaitan pembiayaan LPPSA. Kerjasama dan kesabaran anda berurusan dengan LPPSA sepanjang tempoh PKPB ini amat dihargai. Sebarang maklumat terkini mengenai operasi LPPSA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi LPPSA, [www.lppsa.gov.my](http://www.lppsa.gov.my) dan Facebook Page LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](https://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA).

Sebarang pertanyaan lanjut, para pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Utama LPPSA di talian 03-8880 1600.

**21 Oktober 2020**